



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PAMERAN

“TUNKU NEGARAWAN ULUNG: PENGASAS NEGARA BANGSA”

KUALA LUMPUR, 3 Februari – Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia menganjurkan **Pameran “Tunku Negarawan Ulung: Pengasas Negara Bangsa”** sebagai usaha berterusan memperkukuh kefahaman rakyat terhadap sejarah pembinaan negara dan asas perpaduan nasional.

Pameran ini menyorot peranan dan sumbangan besar Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai **negarawan ulung yang telah meletakkan asas pembentukan negara bangsa Malaysia berteraskan persefahaman, toleransi, keadilan dan muafakat antara kaum**. Kepimpinan beliau telah membawa negara mencapai kemerdekaan, termasuk membentuk kerangka pentadbiran, pembangunan rakyat serta hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menegaskan **pemahaman terhadap sejarah dan legasi negarawan terdahulu amat penting dalam membentuk peradaban serta memperkukuh pembinaan negara pada masa hadapan**. Generasi muda khususnya perlu mengenali dan menghayati nilai kepimpinan, kebijaksanaan serta semangat perpaduan yang diwariskan oleh Tunku Abdul Rahman agar negara terus dibina atas asas keharmonian dan saling menghormati.

Sehubungan itu, pameran ini **menampilkan bahan arkib dan dokumentasi sejarah, serta menjadi medium pendidikan awam untuk menyemai semangat patriotisme, jati diri nasional dan kesedaran tentang tanggungjawab bersama dalam memelihara perpaduan negara**.

Pameran ini dibuka kepada orang ramai mulai **1 Februari hingga 29 Mac 2026, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang** bertempat di **Muzium Negara, Kuala Lumpur**. Orang ramai, khususnya golongan belia dan pelajar, dijemput hadir bagi menghayati sejarah serta mengambil iktibar daripada legasi pembinaan negara bangsa yang telah diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman.

Kementerian Perpaduan Negara

3 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (5)